

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,

PARLIMEN KETIGA BELAS,

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN
JUSOH [SETIU]**

TARIKH : 18 MEI 2015 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana program latihan kemahiran secara komprehensif yang berdasarkan keperluan teknikal dan bukan teknikal melalui institusi-institusi tempatan yang diwujudkan oleh PETRONAS telah berjaya melahirkan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi, berkompeten, cemerlang dan mampu bersaing di dalam arena industri hiliran dan gas di peringkat global terutamanya di kalangan anak tempatan.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

PETRONAS, di dalam usahanya untuk melahirkan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi, kompeten, cemerlang dan mampu bersaing di dalam arena industri minyak dan gas di peringkat global, telah menawarkan beberapa program latihan kemahiran teknikal untuk melatih pekerja mahir dan separa mahir melalui Institut Teknologi Petroleum PETRONAS (INSTEP) untuk lepasan Diploma dan Kimanis Petroleum Training Centre (KTC) bagi lepasan sekolah.

Sejak tahun 1990, INSTEP telah melahirkan lebih daripada 8,500 tenaga kerja teknikal yang berkemahiran tinggi dan berdaya saing melalui Program Teknologi Petroleum yang ditawarkan kepada individu yang memenuhi syarat-syarat kelayakan. Selain daripada berkhidmat di dalam negara, terdapat juga graduan INSTEP yang telah berjaya berkhidmat di peringkat antarabangsa seperti di Turkmenistan dan Iraq. Pada masa ini, lebih daripada 3,700 orang daripada graduan INSTEP masih lagi di dalam perkhidmatan manakala selebihnya tidak lagi berkhidmat bersama PETRONAS di atas sebab , perpindahan tempat kerja dan sebagainya.

Sejak ditubuhkan pada tahun 2011, KTC telah melahirkan seramai 47 orang graduan yang telah menamatkan pelajaran di dalam bidang instrumentasi dan memperoleh kelayakan Sijil Kemahiran Malaysia, di mana dalam 80 peratus sedang berkhidmat di dalam industri minyak dan gas, termasuk seorang graduan yang bertugas di negara Bahrain. Selebihnya masih dalam proses mendapatkan pekerjaan dalam bidang minyak dan gas di dalam dan luar negara, termasuk sejumlah graduan yang bakal melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

PETRONAS juga menjalankan program *Vocational Institution Sponsorship and Training Assistance* (VISTA), sebagai sebahagian daripada program tanggungjawab sosial korporat (*Corporate Social Responsibility*). Program ini melibatkan kerjasama bersama institut-institut latihan vokasional di seluruh negara merangkumi aspek bantuan dari segi penyediaan peralatan, latihan pengajar dan kurikulum program teknikal. Sejak 1992, program tersebut telah melahirkan lebih daripada 8,000 tenaga kerja teknikal yang sedang berkhidmat di dalam pelbagai industri di seluruh Negara termasuk sejumlah graduan yang telah memulakan perniagaan sendiri. Ini merupakan satu program yang baik dan akan diteruskan sebagai sokongan kepada institut latihan vokasional seluruh negara dalam melahirkan tenaga kerja berkemahiran bagi menyokong pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.